

Kempen Bulan Membaca dapat sambutan hangat

Mingguan Sarawak, 3/9/2000 P. 5 (Library)

AMANDA TING

SIBU, Sabtu — Kempen Bulan Membaca Perpustakaan Awam Sibu sempena dengan bulan membaca peringkat kebangsaan mendapat sambutan menggalakkan di kalangan masyarakat di sini.

Menurut Pengerusi Pengelola, Encik Desmond Cheng sepanjang kempen bulan Ogos lalu bilangan pembaca telah meningkat sebanyak lapan peratus daripada purata 10,427 orang kepada 11,310 orang.

Selain itu, jelasnya, bilangan ahli baru juga meningkat sebanyak dua kali ganda berbanding bulan-bulan sebelumnya iaitu sebanyak 400 orang.

Ini diikuti dengan peningkatan bilangan buku yang dipinjamkan. Sepanjang bulan Ogos pinjaman

terhadap buku dari perpustakaan telah meningkat sebanyak 1,214 naskhah daripada purata 29,362 naskhah sebulan kepada 30,576 naskhah.

Dalam bulan yang sama, seramai 430 pelajar sekolah dan 11 guru dari empat sekolah di bandar ini telah membuat lawatan pendidikan ke Perpustakaan Awam Sibu.

Desmond berkata demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Sempena Bulan Membaca Perpustakaan Awam Sibu yang dirasmikan oleh Pengerusi MPS yang juga Ahli Parlimen Sibu, Robert Lau Hoi Chew.

Pada majlis tersebut, Robert menyampaikan hadiah kepada pemenang praduana melukis dan mewarna yang dibahagikan kepada tiga kategori.

Bagi kategori A (Me-

warna 7-9 tahun), johan disandang oleh Siaw Jia Ai dari SJK Ek Tee sementara naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh Bobby Lee Yung King dari SJK Chung Sing dan Ivy Ting Yiun Lu.

Sementara Koh Sheue Rou dari SJK Chung Sing diumumkan sebagai johan bagi kategori B (Melukis 10-12 tahun), manakala Parker Liew Be Chuan dari SJK Methodist pula menyandang tempat kedua diikuti dengan Kong Wem Kiat dari SJK Taman Rajang.

Johan bagi kategori C pula (Melukis 13-15 tahun) disadang oleh Wong Sing Yui dari SMK Methodist, sementara naib johan dan tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh Ong Siong Hu dari Sekolah Tinggi Catholic dan Dinnee Kong dari SMK St. Elizabeth.



Pemenang kategori A, Siaw Jia Ai menerima hadiah daripada Robert Lau sambil diperhatikan tetamu kehormat yang lain.



Robert Lau menyampaikan hadiah kepada wakil SMB Methodist yang telah berjaya mendaftar ahli terbanyak sempena kempen Bulan Membaca, Perpustakaan Awam Sibu.

Source: Minggu Sarawak Date: 3/9/2000 Page: 1